

**Mukhriz temui lebih 300 rakan Facebook, blogger
Utusan Online
September 22, 2011**

JOHOR BAHRU 21 Sept. - Lebih 300 ahli UMNO daripada pelbagai bahagian dan blogger di negeri ini menyertai program Diskusi dan Ramah Mesra Rakan Facebook Datuk Mukhriz Mahathir anjuran AgendaBangsa.com di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada (Persada) di sini semalam.

Selain mengadakan perbincangan secara santai mengenai pelbagai isu semasa, majlis yang bermula kira-kira pukul 8.30 malam itu bertujuan merapatkan hubungan antara pemimpin berkenaan dengan anggota masyarakat serta ahli-ahli UMNO di negeri ini.

Pada majlis berkenaan, Mukhriz menasihatkan para blogger supaya sentiasa menjaga kewibawaan dengan mengemukakan kenyataan-kenyataan yang mempunyai fakta kukuh dan berasas.

Ini kerana katanya, blogger juga berperanan penting dalam menjelaskan sesuatu isu kerana orang ramai terutama generasi muda menerusi laman blog dan laman sosial, Facebook.

"Jangan sesekali menulis perkara yang tidak berasas di dalam blog kerana ia akan menjejaskan reputasi penulis sendiri," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Mukhriz yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, Facebook dan blog merupakan medium terbaik untuk berkomunikasi serta menyebarkan maklumat dan ia seharusnya digunakan dengan baik.

Beliau turut menggunakan kedua-dua medium itu untuk mendapat maklum balas terhadap sesuatu isu serta idea-idea baru untuk diketengahkan.

Mengulas mengenai program tersebut, beliau berkata, ia merupakan sebahagian daripada langkah untuk merapatkan diri dengan masyarakat di seluruh negara.

"Saya cuba mengikut cara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang sentiasa mengambil peluang mengadakan program seperti ini bagi membantu mendekatkan diri dengan rakyat," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_12.htm